

conference proceeding



**SIMPOSIUM
NU SANTARA 9**

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

PEMIKIRAN INTELEKTUAL ALAM MELAYU: TUMPUAN SYAIR DAGANG NO. MSS 3160, MUKA SURAT 13-14

Norsiah binti Sulaiman

Universiti Teknologi MARA, Malaysia
norsiahys@salam.uitm.edu.my

Abstrak

Syair Dagang dipercayai telah ditulis kira-kira pada penghujung abad ke 16M atau awal abad ke 17M, iaitu pada zaman kekuasaan Kerajaan Aceh Darussalam. Objektif kajian, untuk menggenangkan inti pati intelektualisme yang ada dalam manuskrip Melayu lama, agar dapat dimanfaatkan bagi menghadapi cabaran milenium. Fokus kajian, adalah asas pemikiran yang ada dalam Syair Dagang, dan menyingkap keindahan bahasa dan ketinggian daya kreativiti dan akal budi Melayu. Kajian perpustakaan ini akan diperteguh oleh kajian ilmiah dan buku-buku yang ditulisan dari pelbagai disiplin ilmu. Hasil kajian dapat memperjelas dan menyokong pendapat, bahawa "asas pemikiran dan budaya masyarakat Alam Melayu adalah dari sumber Islam". Hal ini membawa maksud, bahawa kesinambungannya juga adalah atas dasar yang sama dan ia perlu dipertahankan demi kesinambungan peradaban Melayu dalam menghadapi tantangan zaman.

Kata kunci: Manuskrip Syair Dagang, akal fikiran dan Alam Melayu

1. Pendahuluan

Manuskrip merupakan karangan atau naskhah bertulisan tangan yang telah disediakan oleh penulis (Kamus Dewan, 2007) dalam tulisan jawi. Dalam konteks manuskrip Melayu lama ia boleh diertikan sebagai naskhah bertulisan tangan yang dihasilkan oleh pengarang zaman silam dan tidak terbitkan oleh mana-mana penerbit. Ia bermaksud manuskrip berada dalam keadaan asalnya, walaupun kini mungkin ada yang terdapat hanya dalam bentuk salinannya sahaja.

1.1 Manuskrip syair dagang

Manuskrip yang menjadi bahan kajian tertulis sebagai **SYAIR DAGANG (SD)**. Naskah SD ini diperolehi daripada Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, nombor MSS 3160, ukuran 24 X 17 sentimeter dan dalam satu muka surat terdapat 14 – 22 baris. Puisi ini dimuatkan dalam dua kolumn pada enam belas halaman. SD digolongkan kepada syair nasihat yang berkaitan dengan aktiviti muamalah iaitu perniagaan. Manuskrip ini ditulis dengan dakwat hitam, tulisannya kemas dan konsisten, kurus berceraian tanpa kulit. Jenis kertas yang digunakan adalah laid Eropah berwarna putih kekuningan, dan terdapat juga bertompokan kesan terkena air. Tera air: bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. Katalog Manuskrip Melayu (KMM) Koleksi PNM, hanya mencatatkan bahawa pengarang manuskrip adalah seorang pedagang yang berkelana (Katalog, 2006).

2. Islam pencetus lahirnya hasil pemikiran intelektual Alam Melayu

Dalam perjalanan hidup seseorang muslim, ia dikehendaki melalui proses yang telah disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya yang bermaksud (Jadilah kamu orang yang berilmu atau mempelajari ilmu atau mendengar di dalam majlis ilmu, atau orang yang cintakan ilmu. Jangan kamu menjadi orang yang kelima nescaya kamu akan binasa).¹ Menuntut ilmu juga menjadi kewajipan setiap muslim. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap muslim).²

Penyuburan menuntut ilmu telah diperteguh oleh al-Qur'an, antara lain melalui ayat-ayat yang bermaksud;

¹ Hadith riwayat Tabrani

² Hadith riwayat Ibn Majah dan lain-lain

“...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”³.... “Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna”⁴.

Gesaan inilah yang menjadi pendorong, masyarakat untuk berbudaya ilmu, apakah lagi banyak hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menyanjung orang berilmu dan menjelaskan kelebihan mereka berbanding orang lain yang tidak memiliki ilmu pengetahuan.

Al-Qur'an dan hadith sebagai sumber ajaran Islam, juga merupakan sumber inspirasi untuk para pendakwah melahirkan karya ilmiah dan seterusnya menjadi bahan dakwah yang berkesan dalam masyarakat. Umpama serampang pelbagai mata, ia bukan sahaja mampu membina asas pemikiran masyarakat tetapi juga mempengaruhi adat kebiasaan dan budaya hidup mereka.

3. Dapatan dari kajian teks

Kebiasaan di Alam Melayu, mempelajari rukun iman atau lebih dikenali dengan ‘mengaji sifat dua puluh’ dan rukun Islam, adalah merupakan dokrin ilmu utama yang dibincangkan dalam syair jenis ini (Hasrina Baharum, 2008). Pendidikan seumpama ini seiring dengan tunjuk ajar bagi memperbaiki akhlak, kerana persoalan akhlak adalah asas penting dalam Islam, terutama apabila dikaitkan dengan disiplin para sufi. Sekali gus ia amat berjaya bukan sahaja mampu mendidik sahsiah, malah memandu cara berfikir dan cara bertindak masyarakat. Asas pemikiran yang dapat diterokai adalah:

3.1 Akidah

Akidah merupakan akar umbi kepada Islam. Ia menentukan hala tuju dan perjalanan hidup penganutnya. Sudah menjadi kebiasaan, kajian terhadap ilmu akidah/tauhid di Alam Melayu bermula dengan mengenal Allah melalui sifat-sifatNya⁵. Antara sifat-sifat Allah S.W.T. adalah Maha Berkehendak. Dalam bait syair ini pengarang menekankan tentang sifat Allah Yang Berkehendak (*Iradah*). Ia merupakan sifat *thubutiyyah* bagi Allah. Allah sendiri menjelaskannya melalui firman yang bermaksud;

“Sesungguhnya perkataan Kami kepada sesuatu apabila Kami kehendaki, hanyalah Kami berkata kepadanya: "Jadilah engkau!", maka menjadilah ia”⁶. Ia dijelaskan pada rangkap pertama, m.s. 13.

Jalan lain untuk mencapai ma'rifat kepada Allah adalah melalui nama-namaNya. Pengarang menyebutkan *al-Rahman* yang bermaksud; Maha Penyayang (Sayid Sabiq, 1974). Allah menegaskan dalam firmanNya yang bermaksud;

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Serulah nama "Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nam-nama yang baik serta mulia"....”⁷ Pengarang menyebutkan dalam rangkap kesepuluh, m.s. 13.

Kepercayaan kepada wujudnya syurga dan neraka merupakan salah satu cabang dari rukun iman iaitu kepercayaan kepada hari akhirat. Persoalan wujudnya syurga dan neraka telah disebut dengan jelas dalam al-Qur'an. Menafikan kewujudan keduanya bermakna menafikan sebahagian dari ayat al-Qur'an. Firman Allah yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman syurga, dengan matair-matair terpancar padanya”⁸ dan “... dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang

³ Surah al-Mujadilah:11

⁴ Surah al-Zumar:9

⁵ Terkenal dengan istilah “Awwaluddin ma'rifatullah”

⁶Surah al-Nahl: 40

⁷Surah al-Israa': 110

⁸ Surah al-Hijr:45

menjulang-julang".⁹ Syair menyentuh tentang balasan neraka pada baris keempat, rangkap kesebelas, m.s. 13.

Jelas di sini menunjukkan, kepercayaan kepada hari akhirat dijadikan medium yang amat berkesan dalam mendidik masyarakat agar tidak melakukan perbuatan yang melanggar syariat. Pengarang telah menanamkan perasaan gerun terhadap balasan siksaan yang telah dijelaskan oleh Allah melalui al-Qur'an. Contoh kata syair; "Di dalam neraka menanti bernang".¹⁰ Al-Qur'an sebagai sumber rujukan ajaran Islam telah menunjukkan metod pendidikan seumpama ini berdasarkan ayat-ayat yang disebut sebagai pembawa khabar gembira dan ancaman (*Basyira* dan *Nazira*). Ia menjadi tugas para rasul untuk menyampaikan kepada masyarakatnya.¹¹ Dalam Bait ini pengarang telah mengemukakan khabar ancaman iaitu neraka.

3.2 Syariat/Hukum

Melalui syair ini, pengarang telah mengajar masyarakatnya tentang hukum hakam dalam Islam, terutama hukum hutang piutang. Pada dasarnya perbuatan berhutang tidak ditegah oleh Islam. Orang yang berhutang, wajib membayar hutang seperti mana yang telah dijanjikan. Sekiranya siberhutang masih tidak mampu untuk membayar hutangnya, Islam memberikan ruang untuk menangguhkan bayaran. Sipemberi hutang digalakkkan memberikan waktu sehingga siberhutang mampu membayarnya. Pengarang memberi kritikan terhadap mereka yang sengaja culas membayar hutang, syair menyebutkan pada rangkap ketujuh, m.s. 13.

Keadaan seumpama ini sering berlaku dalam masyarakat, hal ini menunjukkan tajamnya pandangan dan imaginasi pengarang dan teguran ini amat tepat, sesuai dan masih relevan sehingga kini. Pengarang juga mengingatkan tentang larangan mencari sumber pendapatan haram bagi menyara keluarga, contoh syair pada rangkap kesebelas, m.s. 13. Rangkap ini memberikan peringatan tentang sumber nafkah keluarga, agar tidak mengambil dari sumber yang haram. Kerana perbuatan tersebut termasuk kategori melanggar hukum Allah S.W.T.¹²

3.3 Akhlak

Akhlik, budi pekerti dan moral menurut Islam secara khusus mendapat kedudukan yang mulia dan tempat yang istimewa. Al-Qur'an memberikan pujian terhadap Rasulullah s.s.w. kerana memiliki akhlak yang mulia (al-Qardawi, 1985). Firman Allah dengan maksud; "*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia*".¹³ Malah akhlak dalam Islam telah dikaitkan dengan perutusan baginda. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud; (Aku diutuskan semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia).¹⁴ Para ulama membahagikan akhlak kepada dua bahagian, iaitu akhlak *mahmudah* atau terpuji dan akhlak *mazmumah* atau keji (Mohd Nasir Omar, 1986). Antara perbuatan yang dianggap keji oleh masyarakat Melayu adalah tidak mengenang budi. Syair menyebutkan pada rangkap kelima m.s. 13.

Sudah menjadi budaya Melayu, berbudi dan berbahasa dua perkara yang sinonim. Dari segi perkataan, termasuk kategori kata majmuk dengan sebutan 'budi bahasa'.¹⁵ Perbuatan mengenang budi termasuk dalam golongan perlakuan yang baik.¹⁶ Bagi masyarakat Melayu, budi yang baik akan dibawa mati dan tidak ada galang ganti untuk dibalas kepada yang berbudi. Seperti kata pantun Melayu:¹⁷

Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga

⁹ Surah al-Mulk:5.

¹⁰ Rangkap kelima baris keempat, m. s. 13

¹¹ Surah Fatir: 24 (Manna' al- Qathan, 1997)

¹² Surah al-Baqarah: 188 dan al- Nisaa': 29

¹³ Surah al-Qalam: 4

¹⁴ Hadith riwayat Imam Malik

¹⁵ Budi bahasa lazimnya merujuk kepada 'tutur kata, kelakuan, sapon santun, tatatertib, akal, kebijaksanaan dan perbuatan kebijakan yang tercantum dalam kata-kata akhlak yang mulia'. Setiap gerak laku, tutur kata, tatahidup, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain sebagai peribadi mahupun pergaulan masyarakat terangkum dalam konsep budi bahasa

¹⁶ Budi tidak semestinya dibalas dengan seumpamanya, cukup dengan perbuatan saling menghormati antara satu sama lain dan tidak memudharatkan orang yang pernah berbuat baik (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=baik+budi+bahasa&d=10>)

¹⁷ Pantun Melayu merupakan kebijaksanaan akal budi Melayu sendiri (U. A. Aziz U. Abdul Hamid , 2011)

Berdasarkan pengalaman hidup beragamnya, pengarang meletakkan perbuatan baik (berbakti) hendaklah dengan syarat adanya budi pekerti (akhhlak). Manakala perubahan sikap masyarakat yang negatif (dianggap zaman jahat), dikaitkan dengan tidak mengamalkan sifat tolong menolong antara satu sama lain, sebagaimana yang amat ditekankan oleh Islam.¹⁸ Syair menyebutkan pada rangkap kelapan, m. s. 13.

Dalam rangkap kesembilan, m. s. 13, syair menunjukkan budaya Melayu yang tinggi, dimana masyarakatnya amat menjaga tutur kata apabila mengeluarkan kata-kata. Dalam masyarakat Melayu, kata-kata memberikan kesan dan gambaran tertentu terhadap seseorang. Kata pepatah Melayu ‘Bermulut manis’ bagi “tanam tebu di bibir mulut” telah menjadi ungkapan peringatan antara dua perkara, iaitu positif dan negatif. Dalam soal mengeluarkan kata-kata dinisbahkan kepada ‘pahit dan manis’. Pada yang pahit, nasihat selalu diberikan, hati-hati bila berkata, kerana; “sebab pulut santan binasa- sebab mulut badan binasa”. Manakala kata-kata yang manis enak didengar oleh telinga, umpama ubat kepada yang memerlukan, namun pada situasi yang lain ia boleh menjadi racun yang berbisa (terutama apabila janji manis tidak ditunai setelah dapat apa yang dihajati). Islam mengajar umatnya agar mengeluarkan kata-kata yang baik apabila berkomunikasi, contohnya dalam firman Allah yang bermaksud;

*“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut”.*¹⁹

Cara komunikasi juga perlu sesuai dengan suasana yang ada dan kena pada tempatnya.

3.4 Unsur kesufian

Dalam syair ini unsur kesufian dapat dilihat dengan maksud ‘Zikr’ bererti mengingat Allah dengan **menyebut** kalimah, (Kamus Dewan, 2007) yang dimaksudkan dalam syair ini adalah “disuruh **sebut** siang dan malam – Kalimah *Lailaha Illallah* berulang-ulang”.²⁰ Menurut Ibn Idris al-Qari dalam bukunya ‘Merentasi Jalan Sufi’ menjelaskan; zikrullah atau mengingati Allah ialah mengagungkan Allah, menyucikanNya, menyebut kalimah Allah, mengucap *Subhanallah* dan melakukan pujian dengan pelbagai bentuk dan cara (1995). Menurut Ibn Athoillah,²¹ zikr menurut golongan sufi adalah membuang lupa dan lalai dengan hati sentiasa ingat kepada Allah. Abu Bakar al-Wasiti²² sependapat dengan Ibn Athoillah dengan menambah ‘bermusyihadah’, iaitu wujudnya perasaan sentiasa takut yang didorong oleh rasa cinta yang mendalam terhadap Allah S.W.T. Menurut beliau, zikr boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti; zikr dengan lisan, dengan hati dan dengan anggota dan hati (Ibid). Melakukan zikr merupakan ibadah, dan ia telah disarankan oleh Allah S.W.T. melalui al-Qur'an dengan pelbagai maksud dan cara,²³ dan merupakan ajaran yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. serta para sahabatnya. Selain daripada itu, al-Qur'an dan al-Hadith juga menyebutkan kalimah ‘*Lailaha Illallah*’ sebagai ‘Kalimah Tayyibah’, yang bermaksud kalimah tauhid. Ia juga disebut sebagai; kalimah suci, *qaul thabit*, kalimah taqwa dan lain-lain (M.M. Zakariya Kandhahlawi,1997). Kalimah tayyibah ini telah diberikan pelbagai maksud dan fadhilkatnya.

Sebagai rumusan, telah terbukti bahawa intipati syair ini adalah tentang Islam, iman dan ihsan. Pengarang juga banyak memberi tumpuan terhadap pembinaan akhlak yang baik dan memberi teguran terhadap akhlak yang rosak. Syair juga menyentuh tentang kesufian yang diselitkan dengan cara yang bersahaja tetapi amat berkesan kepada bangsanya agar sentiasa berpegang teguh kepada Islam terutama dalam memelihara akhlak dalam kehidupan bermasyarakat.²⁴ Islam meletakkan kesempurnaan iman sesorang adalah berdasarkan akhlaknya yang baik. Rasulullah SAW telah menjelaskan melalui hadith yang bermaksud; (Orang-orang beriman yang lebih sempurna imannya, ialah mereka yang amat baik budi pekertinya).²⁵ Menurut al-Qardawi; sesuatu masyarakat akan tetap wujud selama mana mereka masih menjaga akhlak, dan akan lenyap apabila akhlak telah luput dari dalam diri masyarakat tersebut (1985). Kualiti seumpama inilah menjadi pautan dan paksi kepada masyarakat Melayu sebagai bangsa yang berperadaban.

¹⁸ Surah al-Maidah: 2

¹⁹ Surah Thaahaa: 44

²⁰ Syair Dagang, baris 3 dan 4 rangkap ke 10, m.s. 14

²¹ Syeikh Ibnu Athoillah lahir pada tahun 648H/1250 dan hidup sezaman dengan Ibnu Taimiyah. Beliau wafat pada 16 Jamadil Akhir 709H ketika masih mengabdikan dirinya mengajar di Madrasah al-Manshuriyyah (<http://bahrusshofa.blogspot.com/2005/07/ibnu-athoillah-as-sakandari>)

²² Al-Wasiti ialah Abu Bakar Muhammad bin Musa al-Wasiti yang berasal dari Farughanah. Beliau adalah antara pengikut al-Junaid, dan meninggal dunia di Marwa pada tahun 320H (<http://al-fanshuri.blogspot.com/2007/05/terjemahan-dari-kitab-oleh-imam-abu.html>)

²³ Antaranya Firman Allah S.W.T. dalam surah Ali Imran: 41, Al-A'raaf: 205, Al-Kahfi: 24, al-Muzammil: 8, al-Ra'd: 28 dan lain-lain.

²⁴ Seperti yang selalu disebut dalam masyarakat Melayu iaitu ‘hidup berbudi bahasa’ dan ‘Jaga budi pekerti’

²⁵ Hadith riwayat Tirmizi

4. Gaya bahasa dan nilai estetika

Gaya bahasa dan nilai estetika dalam sebuah karya seni memang tidak dapat dipisahkan. Malah masing-masing memainkan peranan untuk menyerlahkan lagi keindahan dan nilai estetika sesuatu gubahan intelek tersebut. Dalam Syair ini peranan keduanya telah diaplikasi bagi memberikan kesan mendalam terhadap khalayak. Perkara seumpama ini juga amat sesuai dalam konteks dakwah Islamiyyah terutama dalam suasana dan persekitaran masyarakat Alam Melayu.

4.1 Gaya bahasa

Secara khusus, gaya bahasa bermaksud; cara pemakaian bahasa atau ilmu pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat (Kamus Dewan, 2007). Menurut Ibn Khaldun, gaya bahasa merupakan alat yang digunakan untuk membina struktur ayat atau acuan yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu benda (t.tarikh). Dalam erti kata lain, ia boleh dinisbahkan kepada; cara pengarang mengemukakan pemikirannya dan menjelaskan emosi serta reaksi yang bermain dalam fikiran (Ahmad Badawi, 1979), bagi menyusun idea dan ayat dalam mengarang syair ini. Oleh itu penulis mendapati, gaya bahasa yang digunakan antaranya adalah:

4.1.1 Pernyataan dan teguran

Pengarang telah menggambarkan perubahan sikap masyarakatnya, terutama menyentuh tentang persahabatan dan semangat tolong menolong yang telah sebatи dalam jiwa masyarakat, telah luntur dari dalam diri, malah perbuatan baik dibalas dengan sebaliknya. Ia dapat dilihat dalam syair pada rangkap keempat, m.s. 13.

Pengarang dengan tegas menegur perbuatan menabur fitnah yang berlaku dalam masyarakat, dalam Islam fitnah merupakan perkara yang keji dan kesannya amat berat kepada seseorang. Allah SWT telah mengingatkan mungkin tentangnya "... dan (ingatlah Bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan...".²⁶ Memfitnah merupakan penyakit hati yang sering wujud dalam masyarakat. Dalam ilmu tasawwuf penyakit hati adalah antara perkara yang perlu dibersihkan (*Tazkiyah al-Nafs*) terlebih dahulu sebelum seseorang meneruskan perjalanan sufinya. Fitnah terjadi apabila seseorang merasa sakit hati atau rasa dengki terhadap seseorang yang lain. Individu yang seumpama ini disifatkan sebagai seteru kepada Allah S.W.T. Syair menjelaskannya melalui rangkap kesepuluh, m.s. 13.

Teguran juga diberikan kepada mereka yang menjalankan aktiviti mu'amalat yang tidak jujur. Mereka yang tidak jujur disifatkan tidak menggunakan akal fikiran dengan baik. Ia dapat dilihat melalui syair pada rangkap ketiga, m.s. 13. Menurut hukum jual beli dalam Islam, setiap barang yang dijual mesti diketahui sifatnya oleh pembeli, termasuk kecacatannya. Sekiranya pembeli rela dengan sifat dan keadaan barang belian tersebut, maka jual beli boleh berlaku atas dasar saling merelakan. Ia didasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

" Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, ...".²⁷

Islam sebagai cara hidup telah mensyariatkannya agar kehidupan bermasyarakat berada dalam keadaan yang harmoni, dan perbuatan tidak jujur telah menjadi pantang larang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Fakta ini juga menyokong pendapat bahawa, Alam Melayu telah menjadi pusat perdaganan sejak sekian lama.

4.1.2 Pandangan dan pengajaran

Pandangan turut diberikan dalam aspek sosial masyarakat Melayu terutama dalam soal persahabatan. Persahabatan dalam Islam terjalin adalah atas dasar keikhlasan. Kerosakan sering berlaku kerana tidak mampu untuk berterus terang dan hal memberikan kritikan membina, fenomena seumpama ini sering berlaku dalam masyarakat Melayu. Islam mengajar umatnya berkata benar walaupun pahit.²⁸ Mungkin inilah antara sifat yang perlu dikikis dari dalam kalangan masyarakat. Syair menyebutkan pada rangkap pertama, m.s. 13.

²⁶ Surah al-Baqarah: 191

²⁷ Surah al-Nisa'a: 29

²⁸ Lihat hadith yang menyebutkan dengan maksud; "Katakanlah apa yang benar, walaupun ia merupakan hal yang pahit" (Ibnu Katseir, 1988)

Pengarang turut memberikan pandangannya terhadap pendatang asing yang datang berdagang ke Alam Melayu. Kebenaran berdagang telah diberikan atas dasar sama-sama mendapat manfaat menerusi aktiviti ini.²⁹ Ada kalanya berlaku tindakan yang tidak wajar oleh pedagang terhadap penduduk tempatan. Fenomena yang berlaku ini dikatakan tidak mengenang budi. Setelah diberi kebenaran berdagang, kebaikan dan pengorbanan tidak dipandang. Syair merakamkannya dalam rangkap kedua, m.s. 13. Fakta ini membenarkan pendapat, bahawa masyarakat Alam Melayu adalah sebuah masyarakat yang terbuka dan telah membentuk masyarakat pluraliti dengan caranya yang tersendiri.

Rangkap dua dan tiga, m.s.14 menunjukkan ketegasan dan sikap berterus terang pengarang SD dalam mendidik bangsanya. Sebagai pendakwah nasihat diberikan agar bangsanya tidak melupakan ajaran agama³⁰ walau berhadapan dengan situasi apa pun dalam kehidupan. Syair menjelaskannya dalam rangkap kedua dan ketiga, m. s. 14. Rangkap ketiga turut menjelaskan pentingnya budi pekerti atau akhlak dalam kehidupan muslim. Berakhlak mulia bukan sahaja menjadi suruhan agama, malah akhlak yang buruk menjadi kebencian masyarakat. Amat penting, sikap ini tidak dikehendaki kewujudannya dalam masyarakat. Kata perbilangan Melayu lama mengatakan: “Biar buruk wajah dipandang, asal elok budi bahasa”.³¹ Orang Melayu amat menekankan tentang budi pekerti atau akhlak yang baik.

4.1.3 Larangan dan pernyataan akibat

Menyentuh tentang perbuatan yang keji, pengarang dengan tegas mengemukakan kata tegah atau larang. Syair menyebutkan; ‘Jangan mengnaya harta orang – di dalam dunia semuanya kurang’.³² Manakala ayat pernyataan akibat dari perbuatan yang tidak patut dilakukan, pengarang menekankan; ‘Jikalau tidak memakai isyarat – dunia akhirat menjadi mudharat’.³³ Lebih menggerunkan lagi apabila syair menyebutkan dengan jelas akibat yang menanti, kesan dari sifat negatif tersebut. Ia diperjelas dalam rangkap ketiga, m. s. 14.

Pada rangkap berkenaan, pemilihan perkataan dan susunan ayat bukan lagi sebagai tegahan dan pernyataan akibat daripada perbuatan tidak berakhlak, tetapi lebih kepada memberi ancaman kepada sipelaku. Penyusunan ayat dan pemilihan perkataan seumpama ini amat memberi kesan kepada khalayak.

4.2 Nilai estetika

Memang agak rumit untuk mezahirkan nilai estetika kepada sebuah karya genre syair berdasarkan nasihat, atau agama. Penulis akan mengemukakan keindahan dalam bahasa, nada dan hakikat yang ingin disampaikan dan bagaimana ia diluahkan oleh pengarangnya.

4.2.1 Keindahan bahasa, nada dan emosi

Walaupun medan yang agak terbatas, pengarang mampu mempamirkan susunan kata dan baris-baris ayat yang melontarkan idea yang kemas, mantap dan padat. Walaupun syair mempunyai ciri yang tertentu dan mesti dipatuhi, pengarang masih mampu mengemuka rangkap syair yang baik, contoh; menentukan jumlah perkataan dalam satu baris, wujudnya jeda dan keseragaman rima akhir yang mendisiplinkan pengarang untuk memperjodohkan kata-kata yang sesuai agar rima akhir tidak janggal sebutannya. Pengarang juga mampu menunjukkan emosi yang amat mendalam dalam hal-hal yang penting. Contoh pada rangkap ketujuh, m.s. 13.

4.2.2 Keindahan makna

Keindahan dalam syair ini telah dizahirkan melalui makna yang tersirat, di sini pengarang masih mampu menggunakan kias dan ibarat untuk memberikan kesan yang lebih mendalam. Menurut Za’ba (1965),³⁴ dalam konteks masyarakat Melayu terutama pada masa syair ini dikarang, penggunaan bahasa kiasan sangat penting untuk menguat dan mempertajam maksud ayat, ia mampu menarik hati pembaca dan amat memberi kesan dalam fikiran

²⁹ Contohnya Sultan Aceh pernah menghantar surat bertarikh 1615M kepada King Of England iaitu King James I untuk datang berdagang ke Alam Melayu (Ding Choo Ming, 2009)

³⁰ Ia diterjemahkan melalui kata syair “Jikalau tidak memakai isyarat” iaitu isyarat agama. Kerana dalam al-Qur'an terdapat banyak isyarat atau pertunjuk (termasuk kisah-kisah para nabi dan umat terdahulu) yang bermanfaat kepada ummah untuk mencapai kejayaan hidup, sama ada di dunia mahu pun di akhirat . Contoh; surah Yusuf:111 (Manna' al-Qathran, 1997)

³¹ Budi bahasa disamakan sebagai budi pekerti atau akhlak dalam Islam

³² Lihat baris pertama dan kedua, rangkap pertama m. s. 14.

³³ Lihat baris ketiga dan keempat, rangkap kedua m. s. 14

³⁴ Dalam Hasrina Baharum. 24-25 November, 2008

mereka, contoh pada syair, rangkap keenam dan ketujuh m. s. 14 menyebutkan; “Seperti sakit tak boleh gerak” dan “Seperti rumput di tengah panas”, bagi melahirkan keadaan yang amat getir atau daif.

Dalam kerangka memberi nasihat tentang sesuatu yang serius berbentuk seni, pengarang masih mampu mengemukakan susunan ayat dan nada yang indah dengan penuh makna, contoh; seruan pengarang untuk mengingatkan masyarakatnya agar berpegang teguh dengan Islam sebagai cara hidup yang *syumul*. Ia ditunjukkan oleh syair rangkap kelapan m. s. 14.

4.2.3 Keindahan pada hakikat

Berbeza dengan syair yang bersifat romantis dan hiburan yang mudah untuk dilihat keindahannya, syair berunsur nasihat atau agama adalah berperanan untuk menjelaskan hakikat kebenaran yang nyata. Keindahan di sini adalah bagaimana pengarang menyampaikan hakikat kebenaran itu dengan cara yang tepat mengenai khalayaknya, menepati realiti yang berlaku, dan sebagai syair nasihat ia mampu memperikan peringatan yang sampai kepada matlamat keseluruhan syair tersebut. Contoh pada syair rangkap kesebelas m.s. 13.

Sebagai rumusan didapati, keindahan syair ini bukan sahaja kepada kontennya, tetapi juga mencakupi keindahan bahasa dan nada ayat yang disusun berdasarkan keindahan bunyi dan ketepatan maksud yang dikehendaki. Pengarang telah berjaya membuat pemilihan perkataan dan penjodohnya, tanpa mengabaikan disiplin genre syair Melayu, dengan berlandaskan kepada ajaran Islam yang mulia.

PENUTUP

Berdasarkanuraian jelas menunjukkan, intelektual Alam Melayu mempunyai falsafah pemikiran yang tinggi dan menyeluruh. Pendidikan yang diberikan oleh pengarang syair adalah pendidikan yang mantap berdasarkan Islam yang suci dengan menyatu-padukannya bersama-sama pembentukan cara hidup Islam ke dalam budaya hidup masyarakat. Dalam masa yang sama pengarang mengajak masyarakat memahami secara realiti dan praktikaliti tentang tuntutan masa dan cabaran yang mendatang bersama kedatanganan masyarakat dan pemikiran baru ke Alam Melayu. Kesimpulannya, Melayu perlu ingat, bahawa Islamlah asas pemikiran dan kehidupan berbudaya mereka, selaras dengan asas pemikiran para intelektual silam yang telah berjaya meletakkan batu asas yang kukuh dalam kehidupan berperadaban masyarakat Alam Melayu.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim. (1995). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia
- Ahmad Badawi. (1979). *Usus al-Naqd al-Adabi*. al-Qahirah: Dar Nahdat Masr.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1985. *Al-Iman wa al-Hayah* (terj. edisi Malaysia). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- _____. (2009). *Pengajian Di Alam Melayu Dari Tradisi Manuskrip Ke Maklumat Digital*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM
- Hasrina Baharum, 2008, *Syair Ibadah: Kreativiti Pengarang Zaman Bahari Menyebarluaskan Dakwah Islam Kepada Masyarakatnya*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional, 21 halaman. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bertempat Di Dewan Seminar, Aras 2, Menara DBP, Kuala Lumpur, 24-25 November 2008
- Ibn Idris al-Qari (penys.). (1995). *Merentasi Jalan Sufi*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise
- Ibn Khaldun. (t. th). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar al-Jil
- Ibnu Katsier. (1988). *Tafsir Ibnu Katsier* (terj.). Jil. 2. Kuala Lumpur: Victory Egencie
- Manna' al- Qathan. (1997). *Mabaith fi 'Ulum al-Qur'an*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif
- Manuskrip *Syair Dagang*. No. MSS 3160. Perpustakaan Negara Malaysia
- Maulana Muhammad Zakariya Kandhahlawi. (1997). *Fadhilat Zikir* (sunt.). Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Mohd Nasir Omar. (1986). *Falsafah Etika*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Perpustakaan Negara. (2006). *Katalog Manuskrip Melayu* (tamb. Ke 4). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

Sayid Sabiq. (1974). *Al-'Aqaid al-Islammiyyah* (terj.). Bandung: Penerbit C. V. Diponegoro

Teuku Iskandar (peny. edisi pertama). (2007). *Kamus Dewan* (edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. (2011). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

<http://bahrusshofa.blogspot.com/2005/07/ibnu-athoillah-as-sakandari>, 10/10/2012

<http://al-fanshuri.blogspot.com/2007/05/terjemahan-dari-kitab-oleh-imam-abu.html>, 10/10/2012

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=baik+budi+bahasa&d=10> (11/10/2012)

LAMPIRAN

Manuskrip syair dagang m.s. 13-14

حاشی مثنیاهی هرث اور اع
ستادا خرمای رنگ دلکش
ددا کرا افسن اور اع میورت
بکارو شیدا خمای بیمارت
چکلو غمیل موستادا سفره
سوزان خوش بیادا غصوی
پیغام اواخ دان دا سین
میکلو شیدا ساریره اواخ
با یک جاردن اسماں میادی پام
ظاہیه طاری مام میادی پام
چکلو شیدا اسماں دن خیرات
است شتری و ایچ عباراق
چک شیدا امانواره امس
شتفک هاچ سونه در امس
ادا غون کن سکل اسدام
ند خک شیدا سونی دن اسالم
یغة چاٹنده سووف
حکمک عباره سنیکس
کیت آئی او مند ایچ
شیخ سده اپنیل مخدودی لوف
کروت کیت جا اطیخ
کلمه الاباء
زوالی
اسلام ایست گھنیسا میافت
نیتی دن بایتیں ہر کام مرد
سرہ دن اخیر لیده بیچ پات

Syair Dagang (rumi)

Kerana ia takutkan salah
Sahabat rosak demikian itulah
Miskipun sampai kehendak
Allah
Bertanya khabar pun tiadalah
Kerana ia bukan sebangsa
Budi yang sudah tiada berasa
Segala baik lagi mengesa
Memikirkan rumah sentiasa
Sedikit tidak diingatkan
Barang yang rosak
dikhabarkan
Fikir pun tiada dikenangkan
Akal yang dunggu dikirakan
Lain kepada zaman dahulu
Waktu sekarang jahat terlalu
Sahabat menolong diberi malu
Sampai kepada tuan penghulu

Apabila sudah merasai senang
Budinya orang tiada dikenang
Tambahan pulak fikirnya lapang
Di dalam neraka menanti
bernang

Jangan dipandang orang yang
soleh
Dibuangnya malu asalnya boleh
Perkataan orang tiada dipilih
Sebab hendak melawan genalih

Sedikit tidak menaruh malu
Akan perkataan yang telah lalu
Ketika berutang menundukkan
ulu
Waktu dimintak marah terlalu

Banyaklah sudah hamba lihati
Baru sekarang hamba mengerti
Apakah guna berbuat bakti
Sedikit tidak budi pekerti

Jahat sekali zaman sekarang
Tiadalah ingat menolong orang
Kata yang manis juga dikarang
Puji dan pujanya tiadalah kurang

Tiada menoleh kiri dan kanan
Membuat fitnah terlalu nyaman
Asalkan boleh makan makanan
Itulah seteru Malik al-Rahman

Memberi makan bini dan anak
Harta yang haram terlalu enak
Ingartlah tuan saudara dan anak
Di dalam akhirat neraka jinak

Jangan menganiaya harta orang
Di dalam dunia semuanya kurang
Tiada percaya _____ dagang
Menjadi negeri tiada terbilang

Di dalam karangan orang menyurat
Baik dengarkan tuan sahabat
Jikalau tidak memakai isyarat
Dunia akhirat menjadi mudharat

Jikalau fe'il mu tiada simparti
Sekelian orang habislah benci
Seorang pun tiada memuji
Ia mendoza segeralah mati

Ingat-ingat awang dan dayang
Waktu zaman ini sekarang
Jikalau tiada menaruh uwang
Bangsanya itu sudah terbuang

Baik-baik orang beriman
Waktu ini hampir akhir al-zaman
Pahit dan masam menjadi nyaman
Lawan seteru dibuatnya teman

Jikalau tiada emas dan perak
Seperti sakit tak boleh gerak
Anak isteri datang membarak
Sehari-hari hendak bersorak

Jika tiada menaruh emas
Hidup di dunia bagaikan lemas
Tinggi hati seperti diramas
Seperti rumput di tengah panas

Ada pun akan segala Islam
Ertinya Tuhan menjadikan alam
Pada pekerjaan siang dan malam
AllahMuhammad kita ingatkan

Ingat-ingat janganlah lupa
Jangan durhaka kepada bapa
Miski ibadat sentiasa
Yang sudah apabila menjadi lupa

Kita ini umpamanya wayang
Kerana kita _____ orang
Disuruh sebut siang dan malam
Kalimah La Ilaha Illallah berulang-ulang

Jika tersebut olehnya kita
Islam itu sempurna semata
Serta diikrar lidah yang nyata²
Niat dan bathin bersama serta²